

**PROJEK PEMBINAAN LORONG TAMBAHAN LEBUHRAYA PLUS:
FASA SATU (SENAI UTARA KE SEDENAK) MENGIKUT JADUAL,
FASA DUA (SEDENAK KE SIMPANG RENGGAM) BAKAL BERMULA
28 JULAI 2025**

Petaling Jaya, 4 Julai 2025:- PLUS Malaysia Berhad (PLUS) hari ini memaklumkan bahawa projek pembinaan lorong tambahan Lebuhraya Utara-Selatan di laluan Kulai ke Sedenak (Fasa Satu Pakej A) yang bermula sejak Julai 2024 sedang berjalan lancar mengikut jadual. Kerja-kerja awalan bagi laluan Kulai ke Senai Utara (Fasa Satu Pakej B) juga telah bermula di tapak. Di samping itu, kerja-kerja pembinaan bagi laluan Sedenak ke Simpang Renggam (Fasa Dua) pula dijangka akan bermula pada 28 Julai 2025.

Projek pembinaan lorong tambahan yang akan dilebarkan dari dua lorong ke tiga lorong ini dilaksanakan secara berfasa bermula dengan Fasa Satu (Senai Utara ke Sedenak), disusuli dengan Fasa Dua (Sedenak ke Simpang Renggam) dan Fasa Tiga (Simpang Renggam ke Machap).

Kerja-kerja pembinaan bagi Fasa Dua melibatkan laluan sepanjang 17 kilometer antara Sedenak ke Simpang Renggam dengan tempoh pelaksanaan selama 36 bulan. Bagi Fasa Dua, kontrak untuk kerja-kerja projek pembinaan lorong tambahan laluan ini telah dianugerahkan kepada kontraktor tempatan selepas menjalani proses tender terbuka.

Semasa kerja-kerja awalan di laluan ini dijalankan, ia tidak akan mengganggu aliran trafik kerana dua lorong sedia ada di kedua-dua hala lebuh raya terbabit masih kekal dibuka kepada semua kenderaan. Pengguna lebuh raya disarankan untuk memandu dengan berhati-hati selain mematuhi sebarang arahan pengurusan trafik di lokasi terbabit.

Projek berimpak tinggi ini dijangka dapat memberi manfaat kepada hampir 90 ribu pengguna harian lebuh raya. Ia juga diharap dapat menjadi pemangkin kepada pembangunan sosio-ekonomi yang lebih rancak di kawasan-kawasan sekitar seperti Sedenak, Kulai, Senai, Iskandar Malaysia dan Pagoh.

Usaha ini merupakan inisiatif pihak Kerajaan bagi menangani kesesakan Lebuhraya Utara-Selatan di koridor selatan yang sering berlaku pada waktu puncak dengan hasrat supaya pengguna lebuh raya dapat menikmati perjalanan yang lebih lancar pada masa hadapan. Secara keseluruhannya, projek pembinaan lorong tambahan ini dibiayai sepenuhnya oleh pihak Kerajaan Malaysia bagi kesejahteraan rakyat dan pembangunan ekonomi negara.

-TAMAT-

PERTANYAAN MEDIA:

Mashitah Mohd Arshad Pemangku Ketua Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 013-2097092 Emel: mashitah@plus.com.my	Rofina Adam Pengurus Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 012-657 4452 Emel: rofina@plus.com.my
--	--